

**PANDUAN PELAKSANAAN
MAJLIS GRADUASI PUSAT
BERTAULIAH SWASTA
DI BAWAH SISTEM PERSIJILAN
KEMAHIRAN MALAYSIA
JABATAN PEMBANGUNAN
KEMAHIRAN (JPK)**

ISI KANDUNGAN

1.0	TUJUAN	2
2.0	LATAR BELAKANG	2
3.0	LOKASI DAN JEMPUTAN MAJLIS	2-3
4.0	BAYARAN TERHADAP GRADUAN	3
5.0	PROTOKOL DAN ETIKA BERPAKAIAN SEMASA MAJLIS	3-6
	5.1 PAKAIAN TETAMU	
	5.2 PAKAIAN GRADUAN	
6.0	PERATURAN DAN ADAB DI DALAM MAJLIS	6
7.0	TARIKH KUAT KUASA	6

1.0 TUJUAN

Panduan ini digunakan hanya sebagai rujukan kepada Pusat Bertauliah (PB) swasta di bawah Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) yang akan melaksanakan majlis graduasi.

2.0 LATAR BELAKANG

SPKM merupakan polisi, mekanisma dan tatacara yang terlibat dalam penganugerahan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 1 hingga Tahap 3, Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) Tahap 4 dan Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM) Tahap 5 oleh Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran berteraskan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS) berdasarkan Akta Pembangunan Kemahiran (Akta 652).

Terdapat tiga (3) kaedah persijilan iaitu persijilan melalui Pusat Bertauliah, Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) dan kaedah Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT) Graduan yang tamat dengan jayanya akan dianugerahkan dengan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) mengikut tahap. PB swasta boleh menganjurkan majlis graduasi kepada graduan yang dilatih.

3.0 LOKASI DAN JEMPUTAN MAJLIS

3.1 PB dibenarkan untuk mengadakan majlis graduasi di lokasi bersesuaian yang dipilih.

3.2 PB hendaklah -

- (i) melibatkan JPK sekiranya jemputan adalah dikalangan jemputan kehormat seperti
 - a. Yang Di Pertua Agong (YDPA),
 - b. Sultan / Raja,
 - c. Perdana Menteri / Timbalan Perdana Menteri,
 - d. Menteri Besar / Ketua Menteri;

- e. Menteri / Timbalan Menteri / Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia
- (ii) memaklumkan kepada JPK bagi jemputan Menteri Kabinet dan yang selain perkara 3.2(i).

4.0 BAYARAN TERHADAP GRADUAN

Kadar bayaran terhadap graduan bagi majlis graduasi adalah tertakluk kepada kadar yang ditetapkan oleh PB masing-masing.

5.0 PROTOKOL DAN ETIKA BERPAKAIAN SEMASA MAJLIS

5.1 PAKAIAN TETAMU:

- 5.1.1 Tetamu Lelaki
 - a) batik;
 - b) *lounge suit*;
 - c) pakaian rasmi; atau
 - d) pakaian kebangsaan

- 5.1.2 Tetamu Wanita
 - a) batik;
 - b) pakaian rasmi; atau
 - c) pakaian kebangsaan

5.2 PAKAIAN GRADUAN:

Pemakaian jubah graduasi bagi graduan lelaki / wanita adalah digalakkan berpandukan kepada perkara seperti berikut:

- 5.2.1 Graduan lelaki
 - a) Jubah :



Tahap 1 – 3 (jubah tanpa jalur & bersongkok)



Diploma (jubah tanpa jalur & hood & bersongkok)



Diploma lanjutan
(jubah tanpa jalur & hood & mortar board)

- b) tali leher
- c) seluar slack berwarna hitam / gelap
- d) kemeja lengan panjang berwarna putih
- e) kasut bertutup berwarna hitam / gelap
- f) penampilan perlu sopan dan kemas

5.2.2 Graduan wanita

a) Jubah:



Tahap 1 – 3 (jubah tanpa jalur)



Diploma (jubah tanpa jalur & *hood*)



Diploma lanjutan
(jubah tanpa jalur & *hood* & *mortar board*)

- b) pakaian kebangsaan/ pakaian rasmi
- c) kasut bertutup berwarna hitam / gelap
- d) penampilan perlu sopan dan kemas

5.2.3 Graduan **TIDAK** dibenarkan:

Graduan lelaki:

- i) memakai *bow tie*;
- ii) memakai seluar *jeans*;
- iii) memakai sandal atau kasut sukan; atau
- iv) apa-apa pemakaian yang tidak sopan.

Graduan wanita:

- i) memakai kemeja-T;
- ii) memakai seluar / slack;
- iii) memakai *blouse* tanpa lengan; atau
- iv) apa-apa pemakaian yang tidak sopan.

6.0 PERATURAN DAN ADAB DI DALAM MAJLIS:

Graduan dan tetamu perlulah sentiasa mematuhi peraturan dan menjaga adab semasa majlis berlangsung. Antaranya:

- a) perlu sentiasa berada didalam majlis;
- b) telefon bimbit hendaklah berada dalam mod senyap;
- c) hadir dalam tempoh masa yang telah ditetapkan oleh PB;
- d) menjaga tatasusila semasa berada di atas pentas; dan
- e) apa-apa peraturan yang ditetapkan oleh PB.

7.0 TARIKH KUAT KUASA

Panduan ini berkuat kuasa pada **30 Julai 2018**

Ketua Pengarah Kemahiran Pembangunan
Jabatan Pembangunan Kemahiran
Kementerian Sumber Manusia
30 Julai 2018